

Berkepuklah duit Yaya!

HARIAN METRO M/S 4 29/01/2018

■ Gadis OKU terima lima kali ganda tempahan kuih bakul, bulan

Chukai

Menjelang Tahun Baru Cina, Februari ini, tempahan kuih bakul diusahakan gadis kurang upaya (OKU) Haziqah Nurul Huda Harun, 22, meningkat lima kali ganda berbanding tahun lalu.

Menurutnya, 240,000 kuih bakul dan 50,000 kuih bulan ditempah sejak awal bulan ini, sekali gus membuktikan perniagaan diusahakan Haziqah Nurul Huda atau lebih mesra disapa Yaya sejak 2016 itu semakin berkembang.

Lebih membanggakan, kilang pemrosesan makanan dibuka sejak Oktober tahun lalu di Kampung Bukit Kuang dengan modal RM150,000 kini dibantu 10 pekerja, sekali gus mampu mengeluarkan 30,000 kuih bulan setiap bulan.

Yaya berkata, dia bernasib baik kerana dibantu 10 pekerja di kilangnya kerana tempahan yang diterima semakin meningkat termasuk dari Singapura.

"Sehingga kini, 20,000 kuih bakul ditempah untuk pasaran Singapura manakala selebihnya membabitkan pasaran tempatan termasuk Sabah dan Sarawak.

"Sepanjang Januari saja, 40,000 kuih bulan ditempah manakala selebihnya untuk dihantar sebelum Tahun Baru Cina bulan depan.

"Lebih 200 pelanggan datang terus ke kedai untuk membeli kuih bakul dan bu-

YAYA tak menang tangan terima tempahan kuih bakul menjelang sambutan Tahun Baru Cina bulan depan.



luarannya selain merancang meneroka pasaran China tanpa melalui perantaraan orang tengah.

"Pasaran China kekurangan makanan halal, sekali gus membuka peluang kepada saya untuk memasarkan kuih bakul dan bulan ke-

lan dan terbaru kami menyediakan kuih bakul pelbagai perisa termasuk durian, cempedak, coklat dan jagung," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Yaya berkata, dia mempunyai 100 ejen di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak untuk memasarkan kuih bakul dan bulan ke-

"Memandangkan kilang sudah beroperasi dengan

bantuan pekerja, saya yakin mampu mencapai had pengeluaran ditetapkan untuk pasaran ke negara berkenaan, lagi pun kami kini beroperasi 24 jam," katanya.

Menurutnya, selain sibuk menguruskan perniagaan, dia juga sering dijemput pelbagai institusi pendidikan antaranya Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN),

Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Seremban dan Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur untuk berkongsi pengalaman dan kisah kejayaan.

"Saya hanya memberi alternatif kepada umat Islam menikmati kuih tradisional masyarakat Cina yang dihasilkan syarikat milik orang Islam dan berstatus halal, se-

Memandangkan kilang sudah beroperasi dengan bantuan pekerja, saya yakin mampu mencapai had pengeluaran ditetapkan untuk pasaran ke negara berkenaan"

Haziqah Nurul Huda Harun

kali gus memberi peluang pekerja kepada remaja setempat," katanya.

Sebelum ini, Harian Metro pernah melaporkan mengenai kegigihan gadis OKU yang mengusahakan perniagaan kuih bakul dan bulan serta men dapat sambutan luar biasa daripada pelanggan ter masuk per langgan ber bangsa Cina hingga tular laman sosial.

Kuih bakul hasil tangan Haziqah Nurul Huda Harun lebih istimewa kerana dia mempelajari pembuatan kuih itu daripada sahabat Facebook yang berasal dari Beijing, China.

Ternyata, kuih bakul yang diperbuat daripada adunan tepung pulut, air dan gula hasil resipi gadis berkeroda ini lebih enak, apabila menerima tempahan tinggi iaitu 4,000 biji semper sambutan Tahun Baru Cina pada 2017.